



LIMA DEKAD SATU TEKAD

*Memperkasakan Pertanian
Melangkavi Perbankan*



Mencipta Nilai

Melangkaui Perbankan

Demi memacu dan memperkasakan sektor pertanian negara, Agrobank sentiasa berusaha meningkatkan produktiviti pertanian dan pada masa yang sama membantu membangunkan taraf sosioekonomi komuniti pertanian.

Selari dengan prinsip-prinsip perantaraan berasaskan nilai (VBI), misi terbaharu Agrobank menandakan teras usaha kami untuk memperkasa dan mendukung seluruh aspek dalam rantaian nilai pertanian agar terus memberikan impak yang positif kepada ekonomi.

Menerusi akses pembiayaan yang komprehensif, kami terus meningkatkan peranan pembangunan kami menerusi model perniagaan yang inovatif selaras dengan arus kemodenan dan perkembangan teknologi pertanian.

Agrobank telah dan akan terus komited dalam membangunkan ekonomi, meningkatkan pemerksaan sosial dan memastikan persekitaran yang mampan bukan sahaja dalam tempoh 50 tahun yang lalu, malah kami akan terus memacu ke hadapan demi memastikan sektor pertanian dan industri asas tani negara akan terus maju.





Jelajah 50 Tahun

24 - 31 JANUARI 2019

2019 merupakan tahun yang istimewa buat Agrobank kerana ianya merupakan sambutan ke-50 tahun Agrobank sejak penubuhannya pada Ogos 1969.

Jelajah 50 Tahun Agrobank ini merupakan permulaan sambutan ke-50 tahun Agrobank.

Seramai 15 orang kakitangan Agrobank telah berangkat dari Ibu Pejabat Agrobank di Kuala Lumpur pada 24 Januari 2019 membawa watikah daripada Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank ke beberapa cawangan Agrobank di semenanjung Malaysia.

Perjalanan mereka meliputi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia; Perak, Pulau Pinang, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang dengan perjalanan sejauh 1,542km yang berakhir pada 31 Januari 2019.









Dialog Niaga Agrobank

14 MAC 2019

Dialog Niaga Agrobank (DNA) merupakan program kepimpinan pemikiran (thought leadership programme) bertujuan untuk berkongsi isu, maklumat terkini, idea serta solusi yang berkaitan dengan perniagaan dalam sektor pertanian dan industri asas tani.

Topik ‘Memperkuatkan Ekonomi dan Mencipta Kekayaan Melalui Bisnes Agro’ telah dipilih bagi memberi fokus pertanian sebagai sumber rezeki bukan sahaja untuk meningkatkan taraf hidup diri sendiri tetapi untuk komuniti dan juga memperkuatkan ekonomi negara.

Barisan panel yang hadir untuk berkongsi pengalaman dan pendapat mereka bagi topik ini merupakan pakar-pakar dalam bidang pertanian dan industri asas tani. Mereka adalah YBhg

Dato’ Mohd Sallehuddin Hassan, Mantan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani, Tuan Syed Alwi Mohamed Sultan, Mantan Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Puan Mazlina Kamarudin, Ketua Pegawai Eksekutif Bismi Empire Sdn Bhd, Puan Rubiah Mohamed, Pengarah Urusan, Doana Frozen Food dan Encik Munir Ashim Abdullah, Pengasas GrasiCili. Sesi tersebut telah diselenggarakan oleh Haji Nazri Kahar, Penerbit Eksekutif Astro Awani.







DIALOG NIAGA AGROBANK 2019

disempurnakan oleh

YB Dato' Salahuddin Ayub

Menteri Pertanian & Industri Asas Tani

2019

Tarikh : 14 Mac 2019 (Khamis)





Agenda Agro

Agrobank telah menganjurkan siri bicara bisnes iaitu Agenda Agro: Prospek dan Peluang dalam Sektor Pertanian yang telah diadakan di Terengganu, Sarawak dan Melaka sepanjang tahun 2019.

Agenda Agro dilaksanakan untuk berkongsi dengan pelanggan Agrobank dan usahawan mengenai peluang dan maklumat terkini yang ada dalam sektor pertanian. Program ini memberi ruang buat para pelanggan yang hadir untuk berinteraksi dan berhubung terus dengan pegawai Agrobank bagi mendapatkan penerangan dan maklumat tentang sektor pertanian dan industri asas tani.

AGENDA AGRO @ TERENGGANU
7 APRIL 2019





Agenda Agro

AGENDA AGRO @ SARAWAK
9 JULAI 2019



The banner features the Agro Bank logo (red triangle and wordmark) and a 50th anniversary logo (50 years, TAHUN, LIMA DEKAT SATU TAHUN). The main title is "AGENDA AGRO" in large, bold letters. Below it is the subtitle "Prospek dan Peluang dalam Sektor Pertanian". The date "9 JULAI 2019 | KUCHING, SARAWAK" is at the bottom left. The background includes a speaker podium, three men seated on stage, a green field, a drone icon, and a cow icon.

AGENDA AGRO

Prospek dan Peluang
dalam Sektor Pertanian

9 JULAI 2019 | KUCHING, SARAWAK



Agenda Agro

AGENDA AGRO @ MELAKA
8 OKTOBER 2019





Larian 50 Tahun Agrobank

ALOR SETAR, KEDAH
27 JULAI 2019

Kedah merupakan negeri yang istimewa buat Agrobank kerana cawangan pertama Agrobank telah dibuka di Alor Setar, Kedah bagi membiayai projek pengairan untuk penanaman padi dwimusim di Kedah dan Perlis yang dikenali sebagai MADA.

Bagi meraikan peristiwa bersejarah ini, Kedah telah dipilih sebagai lokasi Larian 50 Tahun Agrobank. Larian ini telah diadakan di sekitar sawah padi menandakan simbolik penubuhan Agrobank. Ia merupakan tanda penghargaan Agrobank kepada semua pihak yang telah menyokong Agrobank sepanjang perjalanan 50 tahun Agrobank.

Seramai 1,000 pelari telah mengambil bahagian dalam larian sejauh 5 km dengan berlatarbelakangkan pemandangan indah sawah padi.









Korban Perdana Agrobank

MASJID AL-SYAKIRIN, GOMBAK, SELANGOR
14 OGOS 2019

Program Korban Perdana Agrobank 2019 telah dianjurkan bagi meraikan sambutan Hari Raya Aidiladha 1440 H. Ibadah korban ini dilaksanakan hasil sumbangan 21 ekor lembu daripada kakitangan Agrobank di seluruh negara bagi tujuan agihan kepada penduduk setempat.

Acara simbolik kepada program ini telah dilaksanakan di Masjid Al-Syakirin, Gombak, Selangor melibatkan 11 ekor lembu yang diagihkan kepada masyarakat setempat.

Program ini telah dihadiri oleh Puan Khadijah Iskandar, penanggung tugas Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank yang menyampaikan agihan daging korban kepada lebih kurang 300 orang penerima.





Ekspedisi Mendaki Gunung Kinabalu

GUNUNG KINABALU, SABAH
1 SEPTEMBER 2019

Puncak Gunung Kinabalu ditawan Agrobank.

Ekspedisi ini telah disertai oleh 25 orang kakitangan Agrobank yang diketuai oleh Ketua Pegawai Operasi Agrobank, Encik Zahid Ahmad Zawawi. Pendakian ini merupakan simbolik kepada kesungguhan, usaha dan komitmen Agrobank yang jitu untuk memajukan sektor pertanian dan industri asas tani negara.





Festival Durian Agrobank

Agrobank buat julung kalinya menganjurkan Festival Durian Agrobank, satu inisiatif Bank yang dijalankan bagi membuka ruang untuk mempromosikan salah satu sumber kekayaan baharu negara iaitu durian.

Program ini dirangka untuk berkongsi dengan agropreneur serta pengunjung yang hadir mengenai peluang dan prospek yang ada menerusi sektor penghasilan durian tempatan. Ini secara tidak langsung telah memperluaskan jaringan serta rantaian hubungan perniagaan kepada agropreneur menerusi program seumpama ini.

MENARA AGROBANK, KUALA LUMPUR
6 SEPTEMBER 2019









Majlis Jubli Emas Agrobank

GRAND HYATT KUALA LUMPUR,
7 NOVEMBER 2019

Sempena sambutan ke-50 tahun Agrobank, satu Majlis Jubli Emas telah diadakan dengan penuh kemeriahian. Kemuncak Majlis Jubli Emas Agrobank ini ialah pelancaran visi dan misi baharu Agrobank.

Dengan visi ‘Memperkasakan Pertanian Melangkaui Perbankan’ serta dengan misi ‘Meningkatkan taraf pertanian dan menyediakan sokongan berterusan untuk manfaat komuniti, ekonomi dan pemegang taruh’, menandakan Agrobank bersedia untuk membangun dalam memajukan sektor pertanian negara.













Forum Perdana Agrobank

Forum Perdana Ehwal Islam Agrobank telah diadakan bersempena dengan Hari Peladang, Penternak & Nelayan Kebangsaan 2019 menerusi topik, "Mencari Yang Halal". Program ini telah bersiaran langsung di RTM1.

Forum ini telah dikendalikan oleh Ustaz Mohd Hariri Daud daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan disertai oleh dua orang panelis iaitu Datuk Badlishah Alauddin, Imam Besar Masjid Negeri Pahang dan Ustaz Ghazali Ibrahim daripada JAKIM.

ANGSANA MALL, JOHOR BAHRU
28 NOVEMBER 2019







Terima kasih kerana membangun bersama kami

50 tahun ini merupakan satu pengalaman yang bersejarah dan bermakna buat Agrobank. Jatuh dan bangun, penat lelah serta usaha sepanjang 50 tahun ini telah meletakkan Agrobank sebagai sebuah institusi pembangunan kewangan (IKP) yang berdaya saing bagi membangunkan sektor pertanian dan agromakanan.

Amanah yang dipertanggungjawabkan buat Agrobank dalam usaha memartabatkan golongan petani, penternak dan nelayan akan terus dipegang dan dilaksanakan dengan baik bagi menggalakkan pembangunan pertanian yang kukuh di Malaysia.

Kami akan terus bergerak ke hadapan dan terus memegang mandat yang telah diberikan . Keutuhan perjalanan Agrobank sepanjang 50 tahun ini adalah berkat sokongan dan hasil usaha kakitangan, pihak berkepentingan dan para pelanggan kami. Terima kasih yang tidak terhingga buat anda daripada kami, warga kerja Agrobank.

Sentiasa di sisi anda...







Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2731 1600 | Fax: 03-2691 4908 | Email: customer@agrobank.com.my

www.agrobank.com.my